

<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

# 22 MAY

## SHERP FOKUS AGENDA PPPM PT



PULAU PINANG, 20 Mei 2015 – Universiti Sains Malaysia (USM) melalui Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN) telah menganjurkan satu Seminar on Higher Education Research Policy atau SHERP 2015 dengan tema Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015 – 2025 [PPPM (PT)] : Implikasi dan Langkah ke Hadapan.

SHERP adalah acara tahunan bagi membincangkan isu-isu terkini pengajian tinggi dan pada tahun ini, SHERP membincangkan mengenai PPPM (PT) 2015-2025 yang telah dilancarkan pada April 2015 yang lalu oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak.



Menurut perunding PPPM (PT), Profesor Dato' Ir. Dr Mohd Saleh Jaafar, 10 lonjakan yang dibentangkan adalah antara misi dan aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam pembangunan Pengajian Tinggi terutama dalam pembangunan bidang penyelidikan dan juga Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET).

“Selepas pelancarannya, pihak KPM menerima pelbagai reaksi daripada pelbagai lapisan masyarakat dan diharap semua pihak dapat memberikan maklumbalas kepada pihak kementerian,” ujar Mohd Saleh.

“Melalui PPPM (PT), adalah diharapkan para graduan atau generasi muda bukan sahaja menjadi pencari kerja malah mencipta peluang-peluang pekerjaan untuk masyarakat lain dengan pemikiran kritis, keusahawanan dan kreatif,” tambah Mohd Saleh.



“Hasil daripada perbincangan dua hala sebegini banyak idea dapat diketengahkan dan itulah sebenarnya tujuan SHERP ini diadakan di samping untuk melihat perancangan masa depan dalam bidang Pengajian Tinggi,” ujar Pengarah IPPTN, Profesor Dr. Ahmad Nurulazam Md Zain dalam ucapan aluannya.

Sesi kedua SHERP mengenengahkan dua orang yang banyak pengalaman dalam bidang pengajian tinggi samada di KPM atau di institusi pengajian tinggi (IPT) bagi membentangkan respon atau maklum balas yang diterima hasil pelancaran PPPM (PT) iaitu Profesor Dr Harshita Aini Haroon dari

Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Dasar Pendidikan Tinggi Malaysia (PenDaPaT) dan juga felo IPPTN, Profesor Madya Dr Abdul Razak Ahmad.

Menurut Abdul Razak antara 10 lonjakan PPPM (PT), Transformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi atau Transformed Higher Education Delivery perlu dijadikan lonjakan pertama berbanding yang lain.



SHERP kali ini menghimpunkan lebih 80 orang peserta dari dalam USM dan juga dari agensi luar termasuk IPT awam dan swasta. Teks: Nor Rafizah Md Zain / Foto: Zamani Abdul Rahim



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015